

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Segala Aqid 4 bahagi	20 Aqid yang Wajib	20 Aqid yang mustahil	Satu Aqidah yang harus pada Hak Allah Taala		
Nafsiah ertinya hal yang wajib bagi zat tiada dikeranakan dengan satu kerana maujud ia pada zihin (aql) dan tiada maujud kharij (zahir)	1.Wujud (Ada Allah)	1.'Adam (tiada)	Iaitu memperbuatkan tiap tiap mungkin atau meninggalkan perbuatan erti mungkin itu tiap tiap barang yang harus adanya dan tiadanya . Dalilnya jika wajib Allah memperbuat atau meninggalkan akan mungkin nescaya bertukar jaiz jadi wajib atau jalan jaiz menjadi mustahil.		
Salbiah Ertinya sifat yang menafikan barang yang tiada patut dan layak pada Allah jalla wa'azza. tiada maujud pada zihin (aql) dan tiada maujud dia pada kharij(zahir)	2.Qidam (Sedia) 3.Baqa' (kekal Allah) 4.Mukholafatuhu lil hawadisi (bersalahan Allah bagi segala yang baharu) 5.Qiamuhubinafsih (berdiri Allah dengan sendiriNya) 6.Wahdahniah (Esa Allah)	2. baharu 3. Dihubungi oleh tiada 4. Menyamai Allah bagi segala yang baharu 5. Tiada berdiri Allah dengan sendiriNya 6. Tiada Esa	Maka makna Laa ilaha ilallah itu Laa Ma'bud bihaqqi ilallah, tiada yang disembah dengan sebenar benar melainkan Allah dan Muhammadur rasullullah itu ertinya Nabi Muhammad pesuruh Allah Taala.Sollallahu alaihi wasalam. Maka adalah kalimah Laa ilaha ilallah itu meliputi ia atas nafi dan isbat.		
Sifat Ma'ani Sifat yang maujud ia pada zihin dan maujud pada kharij yang berdiri ia pada zat dengan zat yang melazimkan ia dengan sifat ma'nawiyah	7. Qudrah (Kuasa Allah) 8. Irodah (kehendak Allah) 9. Ilmu (mengetahui Allah) 10.Hayat (hidup Allah) 11.Sama' (mendengar Allah) 12.Basor (melihat Allah) 13.Kalam (berkata-kata Allah)	7. Lemah 8. Benci 9. Bebal 10.Mati 11.Tuli 12.Buta 13.Kelu	Maka LAA itu nafi dan ILAHA itu menafi ertinya yang dinafikan. Dan ILLA itu isbat dan Allah itu yang diisbatkan. ILAHA tuhan yang dinafikan itu iaitu tiap-tiap hakikat ketuhanan yang lain daripada Allah yakni tuhan yang sebenar bersifat ia dengan segala sifat ketuhanan yang lain daripada Allah Taala.		
Sifat Ma' nawiyah Hal sabit bagi zat selama ada zat itu pada hal dikeranakan dengan satu kerana yaknisabit sifat sifat ini bagi zat kerana berdiri ma'ani itu pada zatnya. Maujud ia pada zihin dan tiada maujud ia pada kharij	14.kaunuhu qadiran (keadaan-Nya yang berkuasa) 15.kaunuhu muridan (keadaan-Nya yang berkehendak) 16.kaunuhu a'liman (keadaan-Nya yang mengetahui) 17.kaunuhu hayyan (keadaan-Nya yang hidup) 18.kaunuhu sami'an (keadaan-Nya yang mendengar) 19.kaunuhu basiron (keadaan-Nya yang melihat) 20.kaunuhu mutakalliman (keadaan-Nya yang berkata-kata)	14.Keadaan-Nya yang lemah 15. Keadaan-Nya yang benci 16. Keadaan-Nya yang bebal 17. Keadaan-Nya yang mati 18. keadaan-Nya yang tuli 19. keadaan-Nya yang buta 20. Keadaan-Nya yang bisu	Dan Allah yang diisbatkan itu iaitu zat yang satu yang wajibal wujud yang bersifat ia dengan degala sifat ketuhanan. Iaitulah Allah S.wTtuhan kita jalla wa'azza dan bukan yang dinafikan itu tuhan yang bathil seperti berhala dan lain lainnya kerana tiada ia pada hakikat ketuhanan lagi tiada sah dinafikan dia kerana sabit wujudnya		
Hukum Aql 3 Bahagi					
		Wajib	Mustahil	Jaiz	
		Ertinya – Barang yang tiada tasawwur pada aql TIADANYA Terbahagi kepada 2 bahagi iaitu 1.Wajib Nazari Barang yang berhajat kepada fikir dan tilik seperti ada tuhan kita Allah Taala. 2. Wajib Dharuri Ertinya barang yang tiada hajat pada fikir dan tilik seperti seperti mengambil lapang bagi jirim	Ertinya – Barang yang tiada tasawwur pada aql ADANYA Terbahagi kepada 2 bahagi iaitu 1.Mustahil Nazari Barang yang berhajat kepada fikir dan tilik seperti tiada tuhan kita maka mustahil ia 2. Wajib Dharuri Ertinya barang yang tiada hajat pada fikir dan tilik seperti seperti jirim bergerak dan diam suatu ketika	Ertinya – Barang yang sah pada aql adanya dan tiadanya Terbahagi kepada 2 iaitu 1.Jaiz Nazari Barang yang berhajat kepada fikir dan tilik seperti harus bagi Allah mengadakan makhluk ini dan meniadakannya 2. Jaiz Dharuri Ertinya barang yang tiada hajat pada fikir dan tilik seperti seperti jirim sekali bergerak dan sekali diam.	
Dalil Aql bagi segala sifat di atas , Ada Sekalian Makhluk Ini.					
Segala Aqid yang tersebut terbahagi 2 pula:					
1.Istigna – 11 Aqid Ertinya Kaya Tuhan daripada tiap tiap barang yang lainnya .Inilah satu daripada makna ketuhanan yang terbagi 2 Wujud Qidam, Baqa' , Mukholafatuhu lil hawadisi , Qiamuhubinafsih Sama' , Basor , Kalam ,kaunuhu sami'an , kaunuhu basiron ,kaunuhu mutakalliman		2.Iftiqar Berkehendak oleh tiap tiap barang yang lainnya kepadanya Wahdahniah, Hayat, Qudrah,Irodah,Ilmu , kaunuhu qadiran, kaunuhu muridan, kaunuhu a'liman, kaunuhu hayyan			

Maka Jumlah Kandungan dua kalimah Syahadah Laa Ilaha ilallah Muhammadur rasullullah 50 Aqid.
Ertinya 50 simpulan pegangan hati tiap tiap orang islam dipaksa oleh syarak memegangnya dengan hati , mengaku dengan lidah

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

Perkara yang harus bagi rasul 'alaihissolatuwassalam	4 aqid yang wajib bagi rasul	4 aqid yang mustahil bagi rasul
<p>Yaitu bersifat dengan segala sifat manusia yang tiada membawa kepada kekurangan martabat mereka itu 'alaihissolatuwassalam yang maha tinggi seperti : sakit dan berkahwin dan makan dan minum dan lain-lain dalilnya yaitu :Nyata dipandang jatuhan dengan mereka itu dengan khair daripada sahabatnya yang mutawatir.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Siddiq : Benar rasul alaihissolatuwassalam 2. Amanah : Kepercayaan rasul alaihissolatuwassalam 3. Tabligh : Menyampaikan rasul alaihissolatuwassalam 4. Fatonah : Cerdik rasul alaihissolatuwassalam 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kizbun : Dusta 2. Khianat : Tiada kepercayaan 3. Kitman : Sembunyikan 4. Balibdu : Bodoh
<p>Dalil bagi Aqid yang di atas ialah diakui oleh Allah Taala tersebut dalam Al Quran</p>		
<p>Dan terkandung dalam kalimah 'Muhammad Rasulullah empat perkara lagi</p>		
<p>Percaya kita dengan sekalian nabi yang tersebut di dalam Quran 25 orang yang wajib dibilang dengan tafassil yaitu : Adam, Idris, Nuh, Hud, Salleh, Ibrahim, Lut, Ismail, Ishak, Yaakub, Yusuf, Ayub, Shuib, Harun, Musa, Ilyasa' Zulkifli, Daud, Sulaiman, Ilyas, Yunus, Zakaria, Yahya, Isa, Muhammad 'alaihissolatuwassalam.</p>	<p>Percaya kita dengan sekalian malaikat yang wajib dibilang 10 orang :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jibrail – Menurun wahyu 2. Mikail – Menurun hujan 3. Israfil – Meniup sangka kala 4. Izrail – Mengambil nyawa 5. Raqib – Menulis kebajikan 6. 'Atid – Menulis kejahatan 7. Munkar } Keduanya menanyai 8. Nakir } mereka dalam kubur 9. Ridhwan – Menjaga syurga 10. Malik –Menjaga neraka 	<p>Percaya kita dengan segala kitab yang diturunkan dari langit kepada beberapa orang nabi yang merasul yaitu sebanyak seratus empat buah (104) suhuf 40 suhuf bagi nabi Shith dan 30 suhuf bagi nabi Ibrahim dan 10 suhuf bagi nabi Musa sebelum taurat. Taurat : Bagi nabi Musa dan Injil : Bagi nabi Isa dan Zabur : Bagi nabi Daud dan Quran : Bagi Muhammad alaihissolatuwassalam:</p>
<p>Percaya kita dengan hari yang kemudian maka wajib percaya kita semua orang-orang mukallaf laki-laki dan perempuan akan hari akhirat kerana telah sabit di dalam Al-Quran dan Al-Hadis – bahawasanya negeri akhirat itulah tempat yang kekal dan negeri bernikmat-nikmat bagi orang-orang yang mukmin dan negeri yang kesusahan dan azab bagi segala kafir dan munafiqin – maka pintu mulai masuk ke negeri akhirat itu ialah masuk ke dalam kubur – di sanalah nyata dan terangan apa keyakinan kita berpegang di dalam hidup di dunia ini. Termasuk pula wajib kita percaya :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Padang Mahsyar 2. Kolam nabi kita Muhammad s.a.w 3. Neraca penimbang amal ibadah 4. Titian yang halus dari rambut – lebih tajam daripada pedang 5. Syurga tempat mukminin 6. Neraka tempat kafirin 		